


2013

# STANDARD: DIPLOMA EKSEKUTIF



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel +603-7968 7002  
Faks +603-7956 9496  
Emel akreditasi@mqa.gov.my  
Laman web [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

© Agensi Kelayakan Malaysia 2013

Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

## **KANDUNGAN**

1.	PENDAHULUAN	1
2.	TUJUAN	1
3.	DEFINISI DIPLOMA EKSEKUTIF	2
4.	KUMPULAN SASARAN	2
5.	HASIL PEMBELAJARAN	2
6.	REKA BENTUK KURIKULUM	3
7.	KAEDAH PENILAIAN	4
8.	KAEDAH PENGENDALIAN	5
9.	KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	6
10.	KELAYAKAN MASUK	6
11.	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT	6
12.	KELAYAKAN DAN LALUAN PEMBELAJARAN DALAM MQF	7
13.	PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI YANG LAYAK MENAWARKAN DIPLOMA EKSEKUTIF	8
	LAMPIRAN A: KELAYAKAN MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK MENGIKUT SEKTOR PENDIDIKAN DAN LATIHAN	9



## 1. PENDAHULUAN

Standard Diploma Eksekutif ini adalah merupakan standard sedia ada yang telah dibangunkan oleh MQA pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dikemaskini pada tahun 2013 dengan ketetapan baru seperti di para **4.1, 6.1, 11.1** dan **12.2** dan pindaan tambahan bagi para **6.1, 12.2** dan **12.3** selaras dengan surat dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (No. Ruj.: JPT (A)1000/001/013/05 Jld. 2 (18)) bertarikh 20 September 2013.

Skop standard ini mengandungi tujuan dan definisi program diploma eksekutif, kumpulan sasaran, hasil pembelajaran, reka bentuk kurikulum, kaedah penilaian, kaedah pengendalian, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kelayakan masuk, jumlah kredit bergraduat, kelayakan dan laluan pembelajaran dalam *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) serta Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang layak menawarkan diploma eksekutif.

Berdasarkan kepada MQF, program diploma eksekutif telah diletakkan di dalam kategori laluan pembelajaran sepanjang hayat seperti di dalam Jadual 1: MQF kerana ianya melibatkan pemilihan calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan.

## 2. TUJUAN

Standard Diploma Eksekutif ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada institusi pengajian tinggi bagi menjamin kualiti program Diploma supaya selaras dengan *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) dan mengelakkan kekeliruan terhadap kelayakan program diploma eksekutif kepada bakal pelajar. Selain itu, ia memberi peluang kepada golongan pekerja untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan melalui pemberian pengecualian kredit kepada pembelajaran tidak

formal serta seterusnya menyokong usaha kerajaan untuk mempertingkatkan peluang dan peluasan sebagaimana digariskan di dalam Teras 6; Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN).

### **3. DEFINISI DIPLOMA EKSEKUTIF**

- 3.1 Diploma eksekutif adalah merupakan satu laluan pendidikan alternatif yang formal untuk pekerja industri yang tidak mempunyai peluang mengikuti program laluan akademik semasa awal kehidupan mereka bagi membangun dan mengemas kini kemahiran dan pengetahuan untuk diaplikasikan di alam pekerjaan.
- 3.2 Diploma eksekutif juga disediakan untuk menangani isu spesifik dan keperluan segera sumber manusia dalam sektor industri, yang tidak diberi perhatian dalam pendidikan aliran akademik.

### **4. KUMPULAN SASARAN**

- 4.1 Program diploma eksekutif adalah program yang berdiri sendiri (*stand alone programme*) dan hanya ditawarkan kepada pekerja industri yang sedang bekerja atau dengan pengalaman bekerja yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran khusus/spesifik dalam sesuatu bidang bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan kerjaya mereka.

### **5. HASIL PEMBELAJARAN**

Hasil pembelajaran bagi diploma eksekutif adalah merujuk kepada ciri-ciri generik yang termaktub dalam MQF bagi diploma Tahap 4, iaitu:

- 4.1 Menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam proses kerja bidang.
- 4.2 Membuat penilaian dan keputusan yang mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi sederhana.
- 4.3 Menunjukkan kepercayaan diri dan keusahawanan untuk menjana pekerjaan sendiri.
- 4.4 Menunjukkan kebertanggungjawaban sebagai ahli masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 4.5 Menunjukkan kemahiran belajar untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan profesion/kerjaya.
- 4.6 Menunjukkan kemahiran berpasukan, kecekapan berkomunikasi dan dapat menyampaikan maklumat, idea, masalah serta penyelesaian dengan berkesan.

## 6. REKA BENTUK KURIKULUM

- 6.1 Kurikulum diploma eksekutif yang dibangunkan hendaklah merupakan *stand alone curriculum* iaitu khusus kepada golongan pekerja yang bertujuan untuk membangun dan mengemas kini kemahiran serta pengetahuan untuk diaplikasikan di alam pekerjaan serta menyediakan pelajar bagi menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- 6.2 Reka bentuk kurikulum diploma eksekutif digubal dengan komposisi kandungan yang terdiri daripada kursus-kursus wajib institusi dan kursus-kursus teras seperti yang berikut:

- i. **Wajib Institusi:** **10-30%** seperti Mata Pelajaran Umum (MPU), Bahasa Inggeris dan lain-lain kursus yang bersesuaian.
  - ii. **Teras:** **70-90%** dalam pelbagai bidang pengajian untuk profesion kerjaya. Contohnya, bidang pengurusan, pentadbiran perniagaan, kejuruteraan, perakaunan, insuran dan sebagainya.
- 6.3 Sistem kredit MQF yang menyatakan bahawa di Malaysia 40 jam pembelajaran dinilai sebagai 1 kredit boleh digunakan bagi pengiraan kredit program ini. Pernyataan MQF ini yang membawa maksud *1 credit = 40 notional hours of student academic load* boleh menjadi dasar perkiraan jam bergraduat diploma eksekutif.

## 7. KAEADAH PENILAIAN

- 7.1 Penilaian diploma eksekutif terdiri daripada dua bahagian, iaitu penilaian berterusan (formatif) dan peperiksaan akhir (sumatif) sebagaimana berikut:
- i. Penilaian berterusan sebanyak 40% - 60%. Contoh penilaian berterusan yang dicadangkan adalah seperti di bawah:
    - a) kuiz
    - b) ujian/ujian amali
    - c) pembentangan
    - d) projek/penyelidikan/laporan
    - e) portfolio
  - ii. Peperiksaan akhir 40% - 60%.

- 7.2 Kaedah penilaian lain juga boleh digunakan sekiranya ia dapat membantu penilaian pencapaian hasil pembelajaran khususnya bagi hasil pembelajaran yang memerlukan perhatian dan tidak boleh diuji dalam peperiksaan.

## **8. KAE DAH PENGENDALIAN**

- 8.1 Pengendalian program diploma eksekutif boleh dilaksanakan secara konvensional atau pengajian jarak jauh.
- 8.2 Bagi mod konvensional secara sambilan (hujung minggu), perlu menyatakan peratus *traditional (Guided) in class learning activities* seperti kuliah/makmal dan tutorial, peratus *additional (Guided/Supervised) teaching and learning in and off class activities* seperti *project, industrial training* dan lain-lain serta menentukan peratus *(Managed) Independent learning/activities* seperti *assignment, self-learning (modul)* termasuk pengujian dan penilaian. Beban pembelajaran ini bergantung kepada hasil pembelajaran yang perlu dicapai untuk menyempurnakan pengajian sesuatu program diploma eksekutif.
- 8.3 Bagi mod jarak jauh (*online*), perlu menyatakan peratus *traditional (Guided) in class learning activities* seperti tutorial /pertemuan, peratus *additional (Guided/Supervised) teaching and learning in and off class activities* seperti *project, industrial training* serta peratus *(Managed) Independent learning/activities* seperti *assignment, self-learning (modul)* termasuk pengujian dan penilaian. Beban pembelajaran ini bergantung kepada hasil pembelajaran yang perlu dicapai untuk menyempurnakan pengajian sesuatu program diploma eksekutif.

## 9. KAE DAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- 9.1 Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang adalah terdiri daripada:
- a) Kuliah
  - b) Tutorial
  - c) Praktikal / amali
  - d) *Problem-Based Learning (PBL)*
  - e) e-Pembelajaran
- 9.2 Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lain serta bersesuaian juga boleh digunakan sekiranya ianya dapat membantu pencapaian hasil pembelajaran.

## 10. KELAYAKAN MASUK

- 10.1 Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya **3 kredit** atau kelayakan yang setara dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya selama **3 tahun dalam bidang berkaitan** dan berusia sekurang-kurangnya **21 tahun** ke atas.

## 11. JUMLAH KREDIT BERGRADUAT

- 11.1 Jumlah kredit bergraduat bagi permohonan penawaran program diploma eksekutif ialah 90 kredit, di mana 30 kredit daripada keseluruhan 90 kredit program boleh diperolehi melalui 3 tahun pengalaman kerja pemohon<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Pindaan seperti dalam Surat Pekeliling M QA Bil. 4/2016 dengan no. rujukan M QA.100- 1/7/1 (22) bertarikh 17 November 2016.

Nota: Standard sebelum pindaan: Jumlah kredit bergraduat bagi permohonan penawaran program diploma eksekutif ialah 90 kredit, di mana 30 kredit daripada keseluruhan 90 kredit program adalah diperolehi melalui 3 tahun pengalaman kerja pemohon..

11.2 Penganugerahan 30 kredit ini perlu dinilai mengikut instrumen yang ditetapkan dalam Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [GGP: APEL(C)]<sup>2</sup>.

## **12. KELAYAKAN DAN LALUAN PEMBELAJARAN DALAM MQF**

- 12.1 Kelayakan diploma eksekutif diletakkan di tahap 4 di bawah laluan Pembelajaran Sepanjang Hayat di dalam MQF seperti di **Lampiran A.**
- 12.2 Kelayakan diploma eksekutif boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang yang berkaitan. Namun begitu pemindahan kredit adalah tidak dibenarkan
- 12.3 Kelayakan diploma eksekutif ini juga boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke program pengajian di peringkat ijazah sarjana melalui kriteria kemasukan menggunakan laluan Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL). Dasar ini juga terpakai bagi pemegang kelayakan sedia ada.

---

<sup>2</sup> Pindaan seperti dalam Surat Pekeliling MQA Bil. 4/2016 dengan no. rujukan MQA.100- 1/7/1 (22) bertarikh 17 November 2016.

Nota: Standard sebelum pindaan: Tiada

### **13. PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI YANG LAYAK MENAWARKAN DIPLOMA EKSEKUTIF**

- 13.1 PPT yang telah mendapat kelulusan penubuhan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan telah menawarkan program diploma akademik di Tahap 4, MQF.
- 13.2 Institusi Pengajian Tinggi Awam yang telah mendapat kelulusan pengendalian program diploma eksekutif daripada Senat.

**LAMPIRAN A**

**KELAYAKAN MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK**

**MENGIKUT SEKTOR PENDIDIKAN DAN LATIHAN**

STANDARD: DIPLOMA EKSEKUTIF

**9**

TAHAP MQF	SEKTOR			PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
	KEMAHIRAN	VOKASIONAL & TEKNIKAL	PENGAJIAN TINGGI	
8			Ijazah Kedoktoran	Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (PPPT)
7			Ijazah Sarjana	
6			Sijil dan Diploma Pasca Siswazah	
			Ijazah Sarjana Muda	
			Sijil dan Diploma Siswazah	
5	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	
4	Diploma	Diploma	Diploma	PPPT <b>(Diploma Eksekutif)</b>
3	Sijil Kemahiran 3	Sijil Vokasional & Teknikal	Sijil	PPPT
2	Sijil Kemahiran 2			
1	Sijil Kemahiran 1			